



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Sept.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*
4. *Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan


- Gembira dalam melakukan ibadah
- Cintai Allah dan Rasul lebih dari segala-galanya

Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian

- A Kelazatan iman
- B Kemanisan iman
- C Peningkatan iman
- D Iman sentiasa bertambah

Apakah kesan amalan syirik kepada masyarakat ?

- A Membazir harta, tenaga dan masa
- B Merosakkan aqidah dan membatalkan iman
- C Memecahbelahkan ummah dan menimbulkan fitnah
- D Hilang perhitungan kepada Allah kerana mendapat bantuan syaitan



Y dalam rajah di atas ialah

- A Iman manusia sentiasa bertambah
- B Beriktikad bahawa alam bersifat qadim
- C Pelaku dosa besar dianggap mukmin yang fasik
- D Mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka

4 Hukuman ke atas pencuri boleh disabitkan dengan syarat

- A mencuri harta awam
- B mencuri kerana lapar dan miskin
- C mencuri barang yang ditinggalkan dalam masjid
- D mencuri harta yang disimpan di tempat yang selamat

- Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
- Mendakwa Nabi Isa a.s. meninggal dunia dan dimakamkan di Saringar, India

5 Pernyataan di atas merujuk kepada ajaran sesat

- A Bahai
- B Taslim
- C Qadiani
- D Anti Hadis

- Berasaskan hukum syara'
- Pelaburan adalah halal.
- Berasaskan konsep ta'awun (tolong menolong)

6 Ciri-ciri mualamat Islam di atas merujuk kepada

- A Saham
- B Gadaian
- C Syarikat
- D Insuran

7 Antara berikut yang manakah perkara-perkara larangan semasa ihram haji ?

- I Memotong kuku
 - II Menutup kepala bagi lelaki
 - III Berburu binatang buruan laut
 - IV Memakai pakaian berjahit bagi perempuan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Iddah bercerai hidup	
Status	Iddah
• hamil	• hingga melahirkan anak
• tidak hamil (putus haid)	• tiga bulan
• belum disetubuhi	• <u> T </u>


- 8 T dalam jadual di atas ialah _____
- A tiada iddah
 B empat bulan
 C tiga kali suci
 D empat bulan sepuluh hari
- 9 Antara sebab gugurnya hak hadanah bagi seseorang perempuan ialah
- I Murtad
 II Sering sakit
 III Cuai ketika penjagaan
 IV berpindah tempat kediaman kerana tugas
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

Puan Zakiah telah keluar rumah tanpa izin suami dan tanpa sebab yang munasabah

- 10 Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan
- A Dayus
 B Fasakh
 C Nusyuz
 D Khuluk
- 11 Bilakah masa yang afdal untuk melakukan akikah selepas kelahiran bayi ?
- A Hari ketujuh
 B Hari pertama
 C Hari kesepuluh
 D Hari keempat puluh

12 Berikut adalah contoh maksiat dalam walimatulurus **kecuai**

- A pergaulan bebas lelaki dan perempuan
- B pendedahan aurat lelaki dan perempuan
- C hiburan dan muzik yang keterlaluan
- D makanan yang lazat



Pernyataan di atas merujuk kepada

- A jamratul ula
- B jamratul wusta
- C jamratul aqabah
- D ketiga-tiga jamrah

- Memecat pegawai-pegawai kerajaan yang berketurunan Umayyah
- Meneruskan Majlis Tahkim

Keterangan di atas menjelaskan tentang polisi pemerintahan khalifah

- A Saidina Ali bin Abi Talib r.a.
- B Saidina Uthman bin Affan r.a.
- C Saidina Umar bin al-Khattab r.a.
- D Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a.

Fungsi utama Majlis Syura pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin ialah


- A menentukan perlantikan khalifah
- B menjaga keseluruhan harta negara
- C menentukan pembayaran gaji kakitangan kerajaan
- D menjaga keselamatan dan keamanan dalam negara

- 16 Karya Imam Malik yang masyhur ialah
- A Al-Musnad
 - B Al-Muwatta'
 - C Ihya' Ulumuddin
 - D Al-Qanun Fi at-Tib
- 17 Kemosotan semasa pemerintahan Al-Wathiq menjadi faktor utama kejatuhan kerajaan Abbasiyah di tangan tentera
- A Saljuk
 - B Monggol
 - C Umayyah
 - D Uthmaniah
- 18 Cara terbaik yang boleh dilakukan oleh rakyat untuk menegur pemimpin ialah
- A Menyalurkan melalui wakil rakyat
 - B Melaporkan kepada akhbar
 - C Menentang secara terbuka
 - D Mengadakan demonstrasi
- 19 Berikut adalah hikmah mengamalkan adab di tempat rekreasi
- A menghindar perkara kebaikan
 - B mendapat kemurkaan Allah S.W.T.
 - C dapat menjalinkan hubungan percintaan
 - D melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar
- 20 Kesan meninggalkan amar makruf nahi mungkar membawa kepada
- A Kehidupan akan aman
 - B Kemungkaran dapat dibendung
 - C Umat akan cemerlang dan gemilang
 - D Hukum dan syariat Islam tidak dapat ditegakkan

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.


21 _____ ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.



22 R dalam rajah di atas ialah _____.

23 Jemaah haji wajib berada di _____ pada malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



Syarat mendapat hak hadanah
• _____ Y _____
• Dewasa
• Sempurna akal
• Berakhlak mulia

25 Syarat mendapat hak hadanah bertanda Y dalam rajah di atas ialah _____.

Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com

[Lihat sebelah
SULIT

- 26 Mengunjungi kubur yang dianggap keramat untuk meminta sesuatu hajat adalah perbuatan _____ .
- 27 Penentangan Khawarij terhadap Muawiyah tercetus dalam peristiwa _____ .
- 28 Pengasas mazhab _____ ialah Abu Hassan al-Ash'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.
- 29 Mengisytiharkan diri keluar Islam boleh membawa seseorang menjadi murtad melalui _____ .
- 30 _____ ialah penipuan dalam percakapan iaitu tidak bercakap benar atau memalsukan fakta

Soalan 31 berdasarkan jadual di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Perbezaan dalam bidang ketenteraan di antara kerajaan Umayyah dan Khulafa' ar-Rasyidin.

Kerajaan Umayyah	Khulafa' ar-Rasyidin
Kerahan tenaga	31 _____
Mengutamakan bangsa Arab	Tiada keutamaan mana-mana bangsa

- 32 Gelaran Bapa Ilmu Usul Fikh diberikan kepada Imam _____ .

- Mengumpul dan membukukan al-Quran
- Membesarkan angkatan tentera darat dan laut

- 33 Pernyataan berikut merujuk kepada sumbangan khalifah _____ .

- 34 Khalifah al-Makmum telah membina _____ sebagai pusat penyelidikan dalam bidang astronomi.

- 35 Kedudukan kota _____ yang strategik sebagai pusat pemerintahan berperanan memajukan kerajaan Abbassiah.


- 36 _____ merupakan perpustakaan yang terunggul dibina oleh khalifah Harun ar-Rasyid.

- 37 Ucapan takziah kepada keluarga si mati sunat dilakukan dalam tempoh _____ .

38. Penyalahgunaan paip bomba adalah satu contoh perbuatan tidak beradab terhadap _____ .

- Solat secara jamak dan qasar
- Di larang melakukan kerosakan kepada alam

39 Pernyataan di atas merujuk kepada adab _____ bermusafir.



40 Pernyataan di atas merujuk kepada jenis-jenis _____ .

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

- 1 (a) Sebagai seorang Muslim kita mesti mengawal diri daripada bersifat nifak.
- (i) Nyatakan maksud nifak. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** sifat orang munafik. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** cara untuk mengelakkan amalan nifak. [4 markah]
- (b) Syiah ialah golongan yang mendukung cita-cita untuk menjadikan Saidina Ali bin Abi Talib sebagai khalifah.
- (i) Nyatakan pembahagian Syiah selain Syiah Imamiyah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan iktikad Syiah Imamiyah. [2 markah]
- (c) Ajaran Bahai mula tersebar di Malaysia pada tahun 1953.
- (i) Siapakah pengasas ajaran tersebut ? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ciri kesesatan ajaran tersebut. [4 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan maksud akikah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** syarat binatang yang sah untuk dijadikan akikah. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** perbezaan akikah dengan sembelihan. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** syarat saksi dalam perkahwinan. [2 markah]
- (ii) Terangkan kepentingan saksi semasa akad nikah. [2 markah]
- (c) Jelaskan **dua** tindakan suami dalam menangani isteri yang nusyuz. [4 markah]
- (d) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :
- (i) Zakri tidak melontar di jamratul aqabah ketika menunaikan ibadah haji kerana kesesakan orang ramai. [2 markah]
 - (ii) Saifullah merujuk isterinya setelah dua bulan bercerai secara khuluk. [2 markah]

- 3 (a) (i) Senaraikan **dua** institusi pendidikan pada zaman kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan riwayat hidup Sheikh Muhammad Abduh. [4 markah]
- (ii) Huraikan sumbangan beliau terhadap perkembangan umat Islam. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab bersedekah. [2 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan di antara sedekah dengan hadiah. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan bersedekah dalam Islam. [4 markah]
- (a) (i) Senaraikan **dua** jenis tentera yang terdapat dalam angkatan tentera kerajaan Umayyah. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** sifat peribadi Imam al-Bukhari yang boleh dicontohi. [4 markah]
- (ii) Terangkan perkara yang dilakukan oleh beliau sebelum memasukkan hadis ke dalam kitab Sahih al-Bukhari. [2 markah]
- (c) Menziarahi jenazah satu amalan yang dituntut dalam Islam.
- (i) Nyatakan **dua** adab menziarahi jenazah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** amalan yang harus di jauhi semasa menziarahi jenazah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kelebihan menziarahi jenazah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT